



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU KAJI MATA (D.1 EB.2-3)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- |  |
|--|
| <p><b>1. PEMBANTU KAJI MATA<br/>KEMENTERIAN KESIHATAN<br/>D.1 EB.2-3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN = DUA (02)</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Keupujian/Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berpengalaman dalam pengendalian kerja-kerja klinik mata adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan untuk bertugas di Bahagian Klinik Mata atau pusat-pusat kesihatan di daerah-daerah di Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa yang ditentukan;
2. Membantu kerja-kerja Pegawai Mata dalam pemeriksaan awal di Bahagian Pesakit Luar Klinik Mata;
3. Menjalankan tugas selepas waktu bekerja (*on call*) pada waktu-waktu kecemasan;
4. Membantu Pakar Bedah Mata di bilik bedah waktu pembedahan dan membuat rawatan-rawatan pesakit luar Klinik Mata;



5. Bersedia untuk bertugas di luar waktu kerja dan yang lainnya seperti arahan dari Pakar Mata dan pegawai atasan; dan
6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.